

SURAT SETUJU TERIMA PERKHIDMATAN KEPAKARAN

Rujukan Kami: MPC.600-2/4/210

Tarikh : 12 Jun 2021

Dr Hannah Ho Lee Lee

Consultlead Sdn Bhd

Lot 199, 2nd Floor

Cinmuk Commercial Centre

Kota Sentosa, 93250 Kuching, Sarawak

Tel : 012-883 7177

Puan,

TAWARAN PERKHIDMATAN SEBAGAI TENAGA PENGAJAR KURSUS ISO 45001:2018 SISTEM PENGURUSAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN UNTUK AKADEMIK BOMBA & PENYELAMAT MALAYSIA WILAYAH SARAWAK

Adalah saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Dengan ini dimaklumkan bahawa Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah bersetuju melantik syarikat puan dengan harga sebanyak **Ringgit Malaysia : Tiga Ribu Enam Ratus Sahaja (RM3,600.00)**

3. Walau bagaimanapun, pelantikan ini adalah tertakluk kepada persetujuan harga yang telah dinyatakan dalam Surat Pekeliling KP MPC Perkhidmatan Kepekaran dan Elaun Lain Bagi Bukan Penjawat Awam, serta berdasarkan spesifikasi yang telah ditetapkan oleh pegawai program (**Rujuk Term Of References (TOR)**)

4. Setelah pesanan/arahan dikeluarkan oleh MPC, syarikat atau pihak tuan/puan dikehendaki melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan dan kualiti perkhidmatan tersebut hendaklah memuaskan hati serta memenuhi kehendak MPC. Sekiranya syarikat tua/puan gagal melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, MPC berhak membatalkan pesanan/arahan yang dikeluarkan.

5. Syarikat atau pihak puan juga adalah diingatkan bahawa MPC berhak untuk membatalkan Surat ini sekiranya:

- (a) syarikat atau puan gagal mematuhi mana-mana terma di perenggan 3 dalam tempoh masa yang di tetapkan;
- (b) syarikat atau puan gagal mematuhi mana-mana terma yang dinyatakan dalam Surat Akaan Pembida Berjaya;
- (c) syarikat atau puan telah membuat salah nyataan (*misrepresentation*) atau mengemukakan maklumat palsu semasa berurusan dengan MPC bagi perolehan ini atau melakukan apa- apa perbuatan lain, seperti memalsukan maklumat dalam Sijil Akaan Pendaftaran Syarikat, mengemukakan bon pelaksanaan atau dokumen lain yang palsu atau yang telah diubah suai;
- (d) syarikat atau puan membenarkan Sijil Akaan Pendaftaran Syarikat disalahgunakan oleh individu/syarikat lain;

- (e) syarikat atau puan terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses *sebut harga/tender sehingga Surat ini ditandatangani;
- (f) syarikat atau puan telah memberikan subkontrak sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya perkhidmatan tanpa kelulusan MPC terlebih dahulu;
- (g) syarikat atau puan gagal menyempurnakan perkhidmatan/ membekalkan barang dalam tempoh yang ditetapkan seperti di **Lampiran TOR**
- (h) syarikat atau puan gagal mematuhi mana-mana terma/arahan di dalam dokumen *sebut harga/tender;
- (i) syarikat puan/ pemilik/ rakan kongsi/ pengarah atau tuan/puan telah disabitkan atas kesalahan jenayah di dalam atau luar Malaysia;
- (j) syarikat atau puan digulungkan;
- (k) syarikat atau puan membekal barang-barang yang tidak tulen, bukan baharu atau yang terpakai;
- (l) syarikat atau puan gagal mematuhi skop perkhidmatan yang ditetapkan dan/atau *Service Level Agreement*;
- (m) syarikat atau puan tidak mendapat kelulusan daripada MPC terlebih dahulu bagi apa-apa penjualan atau pemindahan ekuiti sepanjang tempoh kontrak ini berkuat kuasa atau menaikkan nilai tawaran; atau
- (n) terdapat perkara yang melibatkan kepentingan awam atau keselamatan dan kepentingan negara.

6. Sekiranya Surat ini dibatalkan atas alasan seperti yang ditetapkan di perenggan 4, MPC tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian syarikat puan termasuk kerugian masa hadapan.

7. Syarikat atau puan berhak menolak tawaran sekiranya tidak bersetuju dengan harga atau terma yang telah diberikan oleh pegawai program. Sila maklumkan emel penolakan kepada Cik Zuraini Subki (zuraini@mpc.gov.my) atau Pn. Norijah Juen (norijah@mpc.gov.my) **dalam tempoh tujuh (7) hari.**

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”
“MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(SEMAWI ZAKARIA)

b.p.:Pengarah
 Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
 Wilayah Sarawak